

Tun M setuju beri PM masa lanjutan jawab tuntutan

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju memberi masa lanjutan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjawab notis tuntutannya yang meminta Perdana Menteri itu menarik balik kenyataan didakwa memfitnahnya pada Kongres Nasional Khas PKR 2023.

Dr Mahathir yang mengemukakan notis tuntutan kepada Anwar pada 27 Mac lalu, menerusi Tetuan Rafique melalui serahan tangan ke Pejabat Perdana Menteri,

sebelum ini memberi tempoh tujuh hari kepada Anwar supaya menarik balik kenyataan berkenaan yang dibuat pada 18 Mac lalu.

Dalam kenyataan semalam, Tetuan Rafique berkata, ia menerima makluman daripada peguam cara Anwar, iaitu Tetuan Thomas Phillip bahawa mereka memohon masa hingga 17 April ini untuk menjawab notis tuntutan terbabit.

“Anak guam kami tiada halangan kepada permintaan

itu. Anak guam kami juga merizabkan segala hak beliau dalam tuntutan ini,” kata firma guaman itu.

Melalui sidang media pada 28 Mac lalu, Dr Mahathir berkata, walaupun Anwar tidak menyebut namanya (dalam kenyataan itu) tetapi berdasarkan laporan media, orang ramai faham tuduhan itu dilemparkan kepada dirinya.

Bekas perdana menteri itu berkata, tuduhan yang dilemparkan terhadap dirinya, iaitu

beliau mempunyai berbilion ringgit dan mengagihkan untuk keluarga, anak dan sebagainya serta dia seorang penyayang.

Dr Mahathir berkata, ia memberi gambaran yang amat buruk terhadapnya dan satu fitnah, melainkan Anwar boleh menunjukkan bukti beliau (Dr Mahathir) sudah mendapat berbilion ringgit dan melarikan duit itu ke luar negara serta tidak membayar cukai.

Jelasnya, walaupun pernah

melemparkan tuduhan hampir sama sebelum ini (sebelum menjadi perdana menteri) tetapi Anwar kini Perdana Menteri yang mesti bertanggungjawab dan tidak boleh membuat tuduhan dengan begitu saja tanpa bukti jelas.

Dr Mahathir berkata, beliau membuat keputusan supaya Anwar menarik balik fitnah yang dilemparkan itu atau menunjukkan bukti dan jika tidak dijawab, tindakan undang-undang akan diambil.